

Malaysia melancarkan kempen membaca

BARU-baru ini sekali lagi Malaysia melancarkan kempen membaca. Harapan semoga semakin ramai rakyat Malaysia cintakan buku. Industri percetakan semakin berkembang. Bahkan ia boleh menggalakkan semakin ramai rakyat berkecimpung dalam penulisan.

Tak salah penulis beberapa tahun lalu kempen seumpama ini telah pun dilancarkan. Tetapi tidak tahu apa hasilnya. Tidak pernah terbaca tentang hasil kajian di akhir kempen.

Tetapi pihak media sering menyiarkan teguran berbagai pihak mengenai rakyat yang dikatakan tidak suka membaca. Lantaran itu disarankan supaya rakyat dari berbagai lapisan membaca buku, majalah dan apa saja untuk kebaikkan minda.

Agak pelik kenapa rakyat Malaysia khususnya generasi muda tidak suka membaca. Sedangkan ketika di sekolah dan institusi pengajian tinggi (IPT) para pelajar membaca berbagai-bagai jenis buku daripada yang nipis hingga paling tebal. Mereka membaca untuk menjawab soalan peperiksaan, membuat tesis atau membuat kertas projek.

Persoalannya apakah kerajinan membaca ketika di sekolah dan IPT kerana terpaksa. Mungkin juga betul. Lazimnya kalau sesuatu benda dibuat kerana terpaksa ia tidak kekal lama. Umpama kahwin paksa.

Teguran beberapa pihak mungkin ada benarnya. Lihat sahaja di sekeliling kita. Tidak ramai rakyat Malaysia yang membaca di dalam bas, teksi, kereta api, LRT atau di dalam kapal terbang. Begitu juga dengan yang mengunjungi kedai buku.

Tidak syak lagi kedai buku merupakan gedung perniagaan yang paling sunyi. Kalau meriah pun cuma di awal tahun kerana membeli buku sekolah.

Sebenarnya ada beberapa faktor penting kenapa rakyat Malaysia tidak gemar atau tidak mempunyai masa untuk membaca. Mungkin faktor masa. Mungkin juga harga buku yang mahal, keadaan alam sekeliling atau budaya orang-orang Malaysia khususnya Melayu.

Biasanya apabila pulang kerja hari telah hampir senja. Badan letih. Nafsu membaca tidak ada. Lagi pula tekan sahaja punat televisyen macam-macam cerita boleh dilihat. Ketika ini terdapat bermacam-macam filem dan drama di televisyen. Tidak kurang sepuluh filem dan drama dari berbagai rangkaian televisyen setiap hari. Sampai tengah malam. Dari dalam negara hingga ke Mexico.

Jadi kenapa mesti buang masa baca buku Jepun, Korea, Indonesia, Cina, Mexico, Melayu, Inggeris atau India. Menonton adalah lebih mudah. Sambil menonton boleh tidur kalau badan terlalu letih.

Tidak dapat dinafikan harga buku termasuk terbitan dalam negara adalah terlalu mahal. Hitung panjang buku-buku yang dikira berkualiti tinggi terbitan dalam negara antara RM60 hingga melebihi RM200. Ia dianggap mahal meskipun di kalangan pegawai-pegawai eksekutif muda dalam sektor awam dan swasta. Terutama sekali yang telah berkeluarga.

Buku-buku tersebut mungkin terpaksa dijual dengan harga sebegitu rupa

Um- 11/4 2007.
kerana kos percetakan yang tinggi. Bahan-bahan percetakan termasuk kertas terpaksa diimport. Tetapi khabarnya Malaysia mempunyai kilang kertas sendiri. Tidakkah ini dapat mengurangkan kos percetakan?

Mahu tidak mahu kita terpaksa membandingkan dengan buku-buku di luar negara. Bukan pula bermakna nak memuji-muji negara luar. Tetapi mana yang baik elok dijadikan teladan.

Harga buku di luar negara rata-rata murah. Meskipun buku tersebut ditulis oleh orang-orang terkenal. Bekas presiden atau perdana menteri. Ada buku yang ditulis oleh seorang bekas presiden Amerika harganya cuma AS\$17.50. Harga ini tidak sampai tiga jam gaji minimum rakyat Amerika.

Biasanya kedai-kedai buku seperti Barnes and Noble atau Borders akan menurunkan harga buku ke paras yang cukup minimum setelah buku-buku tersebut di pasaran buat beberapa tahun. Ada antara buku berkualiti tinggi hanya dijual dengan harga AS\$5 senaskhah.

Selain daripada itu kedua-dua kedai buku ini membenarkan pembaca membaca tanpa membeli. Kedai-kedai buku sentiasa sesak dengan pembeli dan pembaca percuma. Ada antara pembaca yang mengulangi kedai buku setiap hari semata-mata hendak menghabiskan buku yang dibaca.

Kadang-kadang hairan juga bagaimana kedai-kedai ini boleh terus bertahan sedangkan ramai yang membaca percuma. Cuma yang boleh membuat sedikit wang ialah kedai-kedai kopi seperti Starbuck yang berkongsi sudut

kedai buku. Jadi sambil membaca sambil minum kopi.

Sementara, di Malaysia pula banyak buku yang disaluti plastik bertujuan mengelak daripada membaca percuma. Mungkin juga benar. Kalau dah baca percuma siapa pula yang nak beli.

Buku-buku yang dijual juga amat terhad koleksinya. Ada buku terbitan luar negara yang terlalu mahal dan di luar kemampuan rakyat biasa. Buku-buku ini menjadi hiasan rak buku sejak bertahun-tahun (berdasarkan tahun terbitannya).

Seperti mana perniagaan lain kedai buku juga banyak risikonya. Cara mudah ialah menjual buku-buku teks dan majalah-majalah ringan muda-mudi.

Penjualan buku-buku yang lembap menyebabkan ramai kurang berminat menulis buku. Lebih baik daftar jadi kontraktor kelas F. Kalau kena dengan gaya dan bahasanya dapat satu kontrak pasti hidup lumayan.

Selain daripada kedai buku, perpustakaan merupakan sumber membaca atau meminjam buku. Dewasa ini setiap bandar kecil atau besar khabarnya disediakan perpustakaan awam. Bagaimanapun, waktu operasinya hendaklah dilanjutkan hingga ke malam bagi memudahkan orang-orang bekerja meminjam buku. Koleksi buku hendaklah juga luas.

